

وَنَحْنُ مَا بَعْدَهُ وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ هَذَا الْيَوْمِ وَهَذَا مَا بَعْدَهُ، رَبِّ اغْوُدْ بِكَ مِنَ الْكُفْرِ، وَسُوءِ الْكِبَرِ، رَبِّ اغْوُدْ بِكَ مِنْ عَذَابِ لِي الثَّارِ وَعَذَابِ لِي الْقَبْرِ”

"Kami melalui pagi ini bersama terusnya kekuasaan yang penuh sebagai milik Allah. Segala puji bagi Allah. Tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah yang Maha Esa, tiada sekutu bagiNya, bagiNya segala kekuasaan dan bagiNya segala pujian. Dia Maha Berkuasa atas segala-galanya. Tuhanku, aku memohon kepadaMu kebaikan yang terdapat pada hari ini dan kebaikan yang terdapat pada hari-hari seterusnya. Aku berlindung denganMu daripada keburukan yang terdapat pada hari ini dan keburukan yang terdapat pada hari-hari seterusnya. Ya Allah, aku berlindung denganMu daripada sifat malas dan keburukan usia tua. Tuhanku, aku berlindung denganmu daripada azab neraka dan azab kubur".

Bacaan waktu petang:

أَسْتَبِي وَأَسْتِي أَمْلُكَ لِلَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ ...

"Kami melalui petang ini bersama terusnya kekuasaan yang penuh sebagai milik Allah. Segala puji bagi Allah, ..."

Pada waktu petang:

اللَّهُمَّ بِكَ أَسْتَبِي وَبِكَ أَسْتِي وَبِكَ لِحَا وَبِكَ ثَمَرَاتُ وَإِلَيْكَ الْمَصِيرُ

"Ya Allah, dengan nikmatMu kami lalui petang ini, dengan nikmatMu kami lalui pagi ini, dengan nikmatMu kami hidup, dengan nikmatMu kami mati dan kepadaMu tempat kami pulang".

Dibaca tiga kali pada waktu petang dan ketika mengunjungi sesuatu tempat. Tiada sesuatu yang boleh memudaratkan pembacanya sehingga dia meninggikan tempat itu:

أَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ

"Aku berlindung dengan kalam Allah yang sempurna dari kejahatan (yang dilakukan oleh) makhluk yang Dia ciptakan".

ZIKIR SELEPAS SOLAT

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ * 3 x "Aku memohon ampun daripada Allah"

اللَّهُمَّ أَنْتَ السَّلَامُ، وَمَلَكَ السَّلَامِ، تَبَارَكْتَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ، لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَكَ، لَكَ الْمُلْكُ وَلَكَ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ، اللَّهُمَّ لَا مَنَاجِيَ لَنَا مِنْكَ وَلَا مُنْعِي لَنَا مِنْكَ وَلَا تَنْقُصُ ذَا الْجَدِّ مِنْكَ الْجَدُّ

"Ya Allah, Engkaulah yang sejahtera dari kealiban dan daripadaMu jua datangnya kesejahteraan, sentiasalah kebaikan (yang banyak, besar dan kekal itu) bagiMu, wahai Yang memiliki keagungan dan kemuliaan, (Aku bersaksi bahawa) tiada tuhan yang berhak disembah melainkan Allah yang Maha Esa, tiada sekutu bagiNya, hanya bagiNya segala kekuasaan dan hanya bagiNya segala pujian, Dia Maha Berkuasa ke atas segala-galanya. Ya Allah, tiada yang dapat menghalang apa yang telah Engkau berikan, tiada yang dapat memberi apa yang telah Engkau halang dan tidak berguna bagi pemilik kelebihan (untuk bebas) daripadaMu dengan kelebihannya itu".

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَكَ الْمُلْكُ وَلَكَ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ، لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَلَا نَعْبُدُ إِلَّا إِيَّاهُ، لَكَ التَّعَنُّدُ وَلَكَ الْقَضَلُ وَلَكَ الْفَاءُ الْحَسَنُ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ مُخْلِصِينَ لَكَ الدِّينَ وَلَوْ كَرِهَ الْكَافِرُونَ

"(Aku bersaksi bahawa) tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah yang Maha Esa. Tiada sekutu bagiNya. Hanya bagiNya segala kekuasaan dan hanya bagiNya segala pujian. Dia Maha Berkuasa ke atas segala-galanya. Tiada daya dan tiada upaya melainkan dengan pertolongan Allah. (Kami bersaksi bahawa) tiada tuhan yang berhak disembah melainkan Allah dan kami tidak menyembah melainkan Dia. KepunyaanNya segala nikmat, kepunyaanNya segala kelebihan dan kepunyaanNya segala pujian yang indah. (Aku bersaksi bahawa) tiada tuhan yang berhak

disembah melainkan Allah dengan mengikhhlaskan diri dalam beragama walaupun ia dibenci oleh orang-orang kafir".

سُبْحَانَ اللَّهِ * (33) x "Maha suci Allah"

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ * (33) x "Segala puji bagi Allah"

اللَّهُ أَكْبَرُ * (33) x "Allah Maha Besar"

Dilengkapkan seratus dengan ucapan ini:

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَكَ الْمُلْكُ وَلَكَ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

"Tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah yang Maha Esa, tiada sekutu bagiNya, hanya bagiNya segala kekuasaan dan hanya bagiNya segala pujian, Dia Maha Berkuasa ke atas segala-galanya".

Barangsiapa yang membacanya selepas setiap solat, maka dasarnya akan diampunkan walaupun sebanyak buih di lautan.

Membaca Ayat Kursi:

إِنَّ اللَّهَ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ ... سورة البقرة ٢٥٥

Sesiapa mengucapkannya selepas setiap solat, maka tidak ada yang dapat menghalangnya dari memasuki syurga kecuali mati.

Dibaca sekali selepas setiap solat kecuali selepas solat subuh dan solat maghrib. Dibaca selepas kedua-dua solat ini sebanyak tiga kali:

﴿قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ...﴾ ﴿قُلْ اغْوُدْ بِرَبِّ الْقَلْبِ...﴾ ﴿قُلْ اغْوُدْ بِرَبِّ الرَّاسِ...﴾

Selepas solat subuh dan solat maghrib dibaca sepuluh kali:

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَكَ الْمُلْكُ وَلَكَ الْحَمْدُ تَحِيَّ وَتَمِيَّتْ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

"Tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah yang Maha Esa, tiada sekutu bagiNya, hanya bagiNya segala kekuasaan dan hanya bagiNya segala pujian, Dia-lah yang menghidupkan dan Dia-lah yang mematikan dan Dia Maha Berkuasa ke atas segala-galanya".

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Allah berkata:

﴿لَا تُكْفِرُوا بِيَ أَذْكَرُ لِي أَذْكَرُكُمْ وَتُكْفِرُوا بِي وَلَا تُكْفِرُونَ﴾ سورة البقرة ١٠٦

"Maka berzikirlah (ingatlah) kamu kepadaKu nescaya Aku akan ingat (pula) kepadamu, dan bersyukurlah kepadaKu, dan janganlah kamu mengingkari (nikmatKu)"

HADIAH

ZIKIR HARIAN MUSLIM

96650435220012011MMS688563

أَذْكَارُ الْمُسْلِمِ الْيَوْمِيَّةِ بِاللُّغَةِ الْمَالِيَّةِ

96650435220012011MMS688563
 96650435220012011MMS688563
 96650435220012011MMS688563

ZIKIR PADA WAKTU PAGI DAN PETANG

Sesiapa yang membacanya sekali pada waktu pagi, petang dan sebelum tidur, maka dia terpelihara dari gangguan syaitan:

إِنَّ اللَّهَ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الَّذِي يُقِيمُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ لَا تَأْخُذُهُ سِنَّةٌ وَلَا نَوْمٌ لَهُ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ مَنْ ذَا الَّذِي يَشْفَعُ عِنْدَهُ إِلَّا بِإِذْنِهِ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ وَسِعَ كُرْسِيُّهُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ وَلَا يَئُودُهُ حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ ﴿ سورة البقرة ٢٥٥

"Allah (itu), tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, yang hidup kekal dan terus mentadbir (sekalian makhlukNya), Dia tidak ditimpa perasaan mengantuk dan tidak pula tidur. (Menjadi) kepunyaanNya segala yang berada di langit dan segala yang berada di bumi. Tiada yang dapat memberi syafaat di sisi Allah melainkan dengan keizinanNya. (Allah) mengetahui segala yang berada di hadapan mereka dan yang berada di belakang mereka, dan mereka tidak mengetahui sedikit pun dari ilmu Allah melainkan apa yang dikehendaki olehNya. Luasnya Kursi Allah meliputi semua langit dan bumi. Allah tidak merasa berat di dalam memelihara kedua-duanya dan Dia-lah yang Maha Tinggi lagi Maha Agung".

Setiap surah dibaca tiga kali pada waktu pagi dan petang:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
﴿قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ، اللَّهُ الصَّمَدُ، لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُولَدْ، وَلَمْ يَكُنْ لَهُ كُفُوًا أَحَدٌ﴾

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Katakanlah (wahai Muhammad): "(Tuhanku) ialah Allah Yang Maha Esa. Allah, Tuhan yang bertumpu kepadaNya segala sesuatu (dalam memohon hajat). Dia tidak melahirkan anak dan tidak pula dilahirkan, dan tiada sesiapa pun yang dapat menjadi tandingan bagiNya".

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

﴿قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ الْعَلَمِ، مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ، وَمِنْ شَرِّ غَاسِقٍ إِذَا وَقَبَ، وَمِنْ شَرِّ النَّفَّاثَاتِ فِي الْعُقَدِ، وَمِنْ شَرِّ حَاسِدٍ إِذَا حَسَدَ﴾

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Katakanlah (wahai Muhammad): "Aku berlindung dengan (Allah), Tuhan yang menguasai waktu subuh, daripada kejahatan sekalian makhlukNya, dan daripada keburukan waktu malam apabila ia telah gelap-gelita, dan daripada kejahatan para tukang sihir wanita yang menghembus pada simpulan-simpulan (tali), dan daripada kejahatan orang yang dengki apabila dia (menyalakan) kedengkiannya".

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

﴿قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ النَّاسِ، مَلِكِ النَّاسِ، إِلَهِ النَّاسِ، مِنْ شَرِّ الْوَسْوَاسِ الْخَاسِ، الَّذِي يُوَسْوِسُ فِي صُدُورِ النَّاسِ، مِنَ الْجِنَّةِ وَالنَّاسِ﴾

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Katakanlah (wahai Muhammad): "Aku berlindung dengan (Allah), Tuhan (yang memelihara dan menguasai) sekalian manusia, Yang memerintah sekalian manusia, Tuhan yang berhak disembah oleh sekalian manusia, daripada kejahatan (bisikan) syaitan yang sikapnya tersembunyi, yang membisikkan (kejahatan) ke dalam hati manusia. (Pembisik dan penghasut itu) dari kalangan jin dan manusia".

Sesiapa yang membacanya dengan penuh keimanan terhadapnya pada waktu petang lalu dia mati pada malam harinya, maka dia akan memasuki syurga. Demikian juga orang yang membacanya pada waktu pagi:

أَللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ وَأَنَا عَلَى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اسْتَطَعْتُ أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتَ أَبُوءُ لَكَ بِعَيْنِكَ عَلَيَّ وَأَبُوءُ لَكَ بِنَفْسِي فَأَغْفِرْ

لِي فِدَاةٍ لَا يَقْبَرُ الدُّكُوبُ إِلَّا أَنْتَ

"Ya Allah, Engkaulah tuhanku, tiada tuhan yang berhak disembah melainkan Engkau, Engkau telah menciptakanku dan aku ini adalah hambaMu, Aku menurut perintahMu dan menepati perjanjianMu selagimana aku mampu. Aku berlindung denganMu daripada segala kejahatan yang telah aku lakukan. Aku kembali padaMu dengan mengakui nikmatMu dan aku kembali padaMu dengan mengakui dosaku. Oleh itu, ampunkanlah diriku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampurkan dosa kecuali Engkau".

Pada waktu pagi dan petang:

أَللَّهُمَّ عَالِمِ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ فَاطِرَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ، رَبَّ كُلِّ شَيْءٍ وَمَلِكِ كُلِّ شَيْءٍ، أَنْتَ أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ نَفْسِي، وَمِنْ شَرِّ الشَّيْطَانِ وَشَرِّهِ، وَأَنْ أَقْرَبَ عَلَى نَفْسِي سُوءًا، أَوْ أَجْزَأَ إِلَيَّ مُسْلِمًا

"Ya Allah, Tuhan yang mengetahui segala yang ghaib dan yang nyata, Tuhan yang mencipta semua langit dan bumi, Pemerintah segala sesuatu dan PemilikNya, Aku bersaksi bahawa tiada tuhan yang berhak disembah melainkan Engkau, aku berlindung denganMu daripada kejahatan nafsuku dan daripada kejahatan syaitan serta sekutu-sekutunya, dan aku berlindung daripada berusaha untuk melakukan kejahatan ke atas diriku atau aku mendorongnya terhadap seorang muslim".

Tiga kali pada waktu pagi dan petang:

رَضِيْتُ بِاللَّهِ رَبًّا، وَبِالْإِسْلَامِ دِينًا، وَبِمُحَمَّدٍ ﷺ نَبِيًّا
"Aku telah redha Allah sebagai tuhan, Islam sebagai cara hidup (deen) dan Muhammad ﷺ sebagai nabi".

Tiga kali pada waktu pagi dan petang:

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّهُ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ
"Dengan nama Allah yang tiada mudarat bersama namaNya oleh sesuatu di bumi atau di langit. Dia-lah yang Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui".

Pada waktu pagi:

أَللَّهُمَّ بَكَ أَصْبَحْنَا وَبَكَ أَمْسَيْنَا وَبَكَ نَحْيَا وَبَكَ نَمُوتُ وَإِلَيْكَ النُّشُورُ
"Ya Allah, dengan nikmatMu kami lalui pagi ini, dengan nikmatMu kami lalui petang ini, dengan nikmatMu kami hidup, dengan nikmatMu kami mati dan kepadaMu tempat kami kembali".

Pada waktu pagi, petang dan sebelum tidur:

أَللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ الْعَفْوَ وَالْعَافِيَةَ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ، أَللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ الْعَفْوَ وَالْعَافِيَةَ فِي دِينِي وَدُنْيَايَ، وَأَهْلِي وَعَالِي، أَللَّهُمَّ اسْتُرْ عَوْرَاتِي، وَأَمِنْ رَوْعَاتِي، أَللَّهُمَّ احْفَظْنِي مِنْ تَلَيِّ يَدَيَّ وَمِنْ خَلْفِي وَعَنْ يَمِينِي وَعَنْ شِمَالِي وَمِنْ قَرْعِي وَأَعُوذُ بِعَظْمَيْكَ أَنْ أَغْفَلَ مِنْ تَحْتِي

"Ya Allah, aku pohon kepadaMu keampunan dan keselamatan di dunia dan akhirat. Ya Allah, aku pohon kepadaMu keampunan dan keselamatan dalam urusan agamaku, duniaku, keluargaku dan hartaku. Ya Allah, lindungilah diriku dari segala yang memalukanku dan tenteramkanlah diriku dari perasaan takut. Ya Allah, peliharalah diriku dari hadapanku, belakangku, kananku, kiriku dan dari atasku. Aku berlindung dengan keagunganMu daripada ditelan oleh bumi di bawahku".

Bacaan waktu pagi:

أَحْبَبْتُكَ وَأَمْتَحُ الْمُلْكَ لَكَ وَالْحَمْدُ لَكَ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَكَ الْمُلْكَ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ، رَبِّ أَسْأَلُكَ خَيْرَ مَا فِي هَذَا الْبِسْمِ